From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SEFB TERUS PERKASA AGENDA PEMBANGUNAN PELAJAR MELALUI PENGLIBATAN ALUMNI
Date: Thursday, 13 August, 2026 10:44:18 AM
Attachments: image002.png
image003.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

13 OGOS 2026 / 29 SAFAR 1448H
==========

Berita dan gambar oleh: Dr. Edie Erman Che Johari dan Khairul Anuar Adnan

SEFB TERUS PERKASA AGENDA PEMBANGUNAN PELAJAR MELALUI PENGLIBATAN ALUMNI



UUM ONLINE: GEORGETOWN - Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB), Universiti Utara Malaysia (UUM) terus memperkukuhkam agenda pembangunan pelajar melalui jalinan strategik bersama alumni menerusi kunjungan hormat kepada alumni Sarjana Muda Perbankan UUM, Datin Sajarutuldur Abdul Rahman di pejabat beliau di Georgetown, Pulau Pinang.

Kunjungan yang diketuai Dekan SEFB, Prof. Madya Dr. Rasidah Mohd Rashid itu menjadi platform untuk membincangkan beberapa bentuk kerjasama strategik yang berpotensi memberi nilai tambah kepada pembangunan pelajar, khususnya dalam aspek keusahawanan, pensijilan profesional dan kebolehpasaran graduan.

Antara inisiatif utama yang dibincangkan ialah penglibatan Datin Sajarutuldur dalam *Program Finishing School* bertemakan keusahawanan untuk pelajar tahun akhir SEFB. Program tersebut dirancang bagi memberi pendedahan kepada pelajar mengenai dunia keusahawanan sebenar sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan atau menceburi bidang perniagaan.

Sebagai seorang usahawan yang berjaya dalam industri minyak dan gas, Datin Sajarutuldur menyatakan komitmen untuk berkongsi pengalaman serta pengetahuan keusahawanan daripada perspektif praktikal, termasuk cabaran membangunkan perniagaan dan pengalaman mengurus operasi dalam industri.

Selain pembangunan keusahawanan, Dr. Rasidah berkata, pertemuan tersebut turut membincangkan cadangan penyediaan biasiswa pensijilan profesional perbankan kepada pelajar SEFB yang cemerlang dan kurang berkemampuan.

“Inisiatif itu bertujuan membantu pelajar memperoleh sijil profesional berkaitan industri sebelum menamatkan pengajian di UUM, sekali gus memberikan nilai tambah kepada kelayakan akademik mereka.

“Pensijilan profesional tersebut dijangka dapat meningkatkan daya saing dan kebolehpasaran graduan SEFB, selain membuka peluang kepada mereka untuk memperoleh prospek kerjaya dan pendapatan yang lebih baik dalam industri kewangan dan perbankan,” katanya.

Datin Sajarutuldur turut menyatakan kesediaan untuk mempertimbangkan cadangan sumbangan biasiswa berkenaan.

Dalam kesempatan sama, delegasi SEFB turut menyampaikan undangan kepada Datin Sajarutuldur untuk menghadiri Program Mai Balik UUM 2.0**,** sebagai sebahagian daripada usaha universiti memperkukuh hubungan dan jaringan bersama alumni.

Datin Sajarutuldur yang berasal dari Alor Setar, Kedah merupakan antara alumni UUM yang berjaya membina kerjaya dalam bidang keusahawanan dan beliau turut menerima pengiktirafan Health, Safety, Security and Environment (HSSE) Retailer of the Year untuk tahun 2023 daripada Shell.

Dr. Rasidah berkata, kekuatan jaringan alumni merupakan antara aset penting SEFB dalam memastikan agenda pembangunan pelajar dapat dilaksanakan secara lebih menyeluruh dan berimpak.

“SEFB amat bertuah kerana mempunyai barisan alumni yang bukan sahaja berjaya dalam bidang masing-masing, malah sentiasa bersedia untuk kembali menyumbang kepakaran, pengalaman dan sumber kepada universiti.

“Penglibatan alumni seperti ini amat penting dalam usaha kita melahirkan graduan yang lebih bersedia, berdaya saing dan memenuhi keperluan industri,” katanya.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Datin Sajarutuldur atas sumbangan berterusan beliau kepada pembangunan pelajar UUM, termasuk sumbangan kiosk perniagaan kepada Pusat Pembangunan Keusahawanan Siswa (PPKS) bagi menyediakan ruang kepada pelajar untuk memperoleh pengalaman sebenar dalam bidang keusahawanan.

Kunjungan tersebut mencerminkan komitmen berterusan SEFB untuk terus memperluaskan penglibatan alumni sebagai rakan strategik dalam pembangunan pelajar, selaras dengan usaha melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dari sudut akademik, malah memiliki kemahiran profesional, keusahawanan serta kesiapsiagaan menghadapi dunia pekerjaan.

Turut hadir dalam pertemuan tersebut ialah Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Dr. Edie Erman Che Johari; Pengerusi Program Sarjana Muda Perbankan, Dr. Lu Ming Pey serta Khairul Anuar Adnan yang merupakan bekas pensyarah Datin Sajarutuldur ketika beliau mengikuti pengajian Sarjana Muda Perbankan di UUM pada tahun 2003.



Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.